

13/11/1997

Apec bincang isu mata wang, jerebu

PEMIMPIN dari 18 negara di dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) berkemungkinan membincangkan isu yang berkaitan dengan krisis mata wang dan jerebu pada sidang kemuncak tahunan Apec di Vancouver, Kanada, mulai 19 hingga 25 November ini.

"Ada tanda yang kuat bahawa isu berkenaan akan dibincangkan," kata Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia, Andre S Simard, pada satu taklimat akhbar mengenai forum Vancouver itu di Kuala Lumpur, semalam.

Simard berkata beberapa pemimpin membayangkan hasrat untuk menimbulkan isu berkenaan, terutamanya berkaitan dengan pergolakan mata wang di Asia Tenggara turut menyentuh ekonomi Apec yang lain juga.

Apec mengandungi Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

Semua 18 pemimpin itu, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengesahkan kehadiran di Vancouver. Sebelum sidang kemuncak itu, pegawai kanan akan bermesyuarat pada 19 dan 20 November, kemudian diikuti menteri perdagangan dan luar negara selama dua hari.

Forum sebenar pemimpin itu bermula pada 24 November, apabila mereka akan duduk dengan anggota Majlis Pensihat Perniagaan Apec (ABAC).

Wakil Malaysia di dalam majlis itu ialah Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia, Tan Sri Tajudin Ramli; Ketua Eksekutif Sime Darby, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob; dan Pengerusi Eksekutif YTL Corporation Tan Sri Francis Yeoh.

(END)